



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[COMMUNITY DEVELOPMENT AND DA'WAH EFFORTS POST COVID-19:
THE MASA@SUNGAI NIBONG PROJECT INITIATIVE]**

**PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN USAHA DAKWAH ERA PASCA COVID-19:
INISIATIF PROJEK MASA@SUNGAI NIBONG**

AMIRUL AMMAR^{1*}
SHEREEZA MOHAMED SANIFF²

²Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia,
11800, Pulau Pinang, Malaysia.

*Corresponding Author: shereeza@usm.my

Received Date: 1 November 2023 • Accepted Date: 1 December 2023

Abstract

The Socio-Academic Laboratory in Mukim 12 Barat Southwest District, Penang, Sungai Nibong, Penang (MASA@Sungai Nibong) is a community development project to empower asnaf (poor and destitute) from the cocoon of poverty in one of the apartments in Pulau Pinang. The MASA@Sungai Nibong project is a pilot project that exemplifies a first one-of-its-kind joint effort between the Center for Islamic Development Management Studies (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) and Zakat Pulau Pinang (ZPP) to develop a sustainable and thriving Muslim community in the city. Some of the apartments are inhabited by a group of asnaf selected for the project and they are known as the MASA@Sungai Nibong Community. During the era of Covid-19, the diversified age-group in the community is affected by several aspects of life such as the economy and social well-being. The MASA@Sungai Nibong project through its own da'wah (preaching) efforts has carried out several initiatives to ensure of the asnaf development program throughout the Covid-19 pandemic period and thereafter continues. This study identifies the da'wah efforts carried out and then analyzes the extent of the asnaf's involvement in relation to these da'wah efforts. This study is qualitative in nature by conducting observations as the basic method for data collection through monitoring programs and activities participated by the MASA@Sungai Nibong Community and in-depth face-to face semi structured interview with the Community Leader. This study found that the da'wah efforts of the MASA@Sungai Nibong project which was spearheaded by ISDEV with the strong support of ZPP did not stop due to the Covid-19 pandemic but on the contrary, even rapidly adapted to the new norms, and continues post Covid-19. Starting with careful planning, da'wah efforts through various programs have been grouped into several categories and age-appropriate levels according to the development needs of each age group. These programmes are held periodically based on the new norms. The initial findings in this project can be used as a basic framework in da'wah efforts especially to the vulnerable groups to achieve the intended development for the community.

Keywords: Da'Wah Efforts, MASA@Sungai Nibong Project, Zakat Pulau Pinang (ZPP), Community Development, Covid-19.

Abstrak

Makmal Sosio-Akademik di Mukim 12 Daerah Barat Daya, Pulau Pinang, Sungai Nibong, Pulau Pinang (MASA@Sungai Nibong) merupakan sebuah projek pembangunan komuniti amnya untuk memperkasakan asnaf (fakir dan miskin) daripada kepompong kedaifan di salah sebuah pangsapuri di Pulau Pinang. Projek MASA@Sungai Nibong ini merupakan projek perintis yang menyaksikan usaha sama di antara Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Zakat Pulau Pinang (ZPP) dalam membangun satu komuniti Islam di bandar yang lestari dan berdaya saing. Sebahagian daripada pangsapuri tersebut dihuni oleh kelompok asnaf yang terpilih untuk projek tersebut dan dikenali sebagai Komuniti MASA@Sungai Nibong. Tatkala di era Covid-19, kepelbagaian peringkat umur dalam komuniti tersebut terkesan dengan beberapa aspek kehidupan seperti ekonomi dan sosial yang berupaya membantut iltizam perubahan hidup mereka. Projek tersebut di pangsapuri berkenaan menerusi usaha dakwahnya yang tersendiri telah menjalankan beberapa inisiatif demi kelangsungan program pembangunan asnaf sepanjang tempoh pandemik Covid-19 dan selepasnya. Kajian ini mengenalpasti usaha-usaha dakwah yang dilaksanakan seterusnya menganalisis sejauh mana penglibatan asnaf berhubung dengan usaha-usaha dakwah ini. Kajian ini bersifat kualitatif dengan melakukan pemerhatian sebagai kaedah asas untuk pengumpulan data menerusi pemantauan program dan aktiviti yang disertai dan temubual bersama Ketua Komuniti. Kajian ini mendapati usaha dakwah projek tersebut yang dipelopori oleh ISDEV dengan sokongan padu ZPP tidak terhenti dek pandemik Covid-19 malah dengan rancaknya beradaptasi dengan kelaziman baharu dan dapat diteruskan pasca Covid-19. Bermula dengan perancangan rapi, usaha dakwah melalui pelbagai program telah dikelompokkan kepada beberapa kategori dan peringkat umur sesuai keperluan pembangunan insaniah setiap golongan yang diadakan secara berkala sesuai norma baharu. Penemuan dalam Projek yang masih bergiat dijalankan ini, boleh dijadikan sebagai kerangka asas dalam usaha-usaha dakwah dalam mencapai pembangunan komuniti Islam yang lebih baik.

Kata Kunci: Usaha Dakwah, Projek MASA, Zakat Pulau Pinang (ZPP), Pembangunan Komuniti, Covid-19.

Cite as: Amirul Ammar & Shereeza Mohamed Saniff. 2023. Pembangunan Komuniti Dan Usaha Dakwah Era Pasca Covid-19: Inisiatif Projek Masa@Sungai Nibong [Community Development And Da'wah Efforts Post Covid-19: The Masa@Sungai Nibong Project Initiative]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(2): 115-128.

PENGENALAN

Terdapat pelbagai tanggapan yang mengaitkan kemiskinan dengan keagamaan. Antara tanggapan tersebut adalah anggapan kemiskinan menjatuhkan martabat orang Islam (Ahmad, 1991), kemiskinan mengancam kepercayaan manusia (Salih, 1999), kemiskinan mengancam aqidah dan kepercayaan (al-Qardhawi, 1980), kemiskinan boleh membawa kepada murtad (irtidad/al-riddah) dan kemiskinan berkonflik dengan maruah manusia (Chapra, 2008). Walau apa pun tanggapan manusia tentang kemiskinan dengan keagamaan, kemiskinan di bandar

dikatakan berbeza, malah lebih rumit daripada kemiskinan di luar bandar (Mathur, 2013; Mafruhah, et al., 2019; Baldwin & Crane, 2020).

Oleh yang demikian, terdapat sekurang-kurangnya tiga perkara yang mempengaruhi atau memberi implikasi kepada nilai keagamaan dan kemiskinan. Pertama, agama relevan terhadap kemiskinan kerana pengaruhnya ke atas agensi perniagaan. Kedua, agama memberi pengaruh dalam pembentukan nuansa politik terutamanya melalui pembentukan sub-budaya dalam interaksi sosial masyarakat. Ketiga, agama memberi pengaruh terhadap idealistik pendidikan, institusi pendidikan serta gelagat masyarakat yang melibatkan kesihatan, gaya hidup, kepercayaan berkaitan kesihatan dan juga tanggapan moraliti kesihatan (Sedmak, 2019). Berdasarkan ketiga-tiga pengaruh keagamaan ini, terdapat tiga fungsi keagamaan terhadap kemiskinan. Pertama, keupayaan keagamaan untuk mengarahkan semula kebimbangan terhadap kemiskinan material kepada kemiskinan spiritual; Kedua, keupayaan keagamaan untuk mempengaruhi moraliti dengan cara menggalakkan semangat murah hati, dan; Ketiga, galakkan agama dalam penglibatan membasmi kemiskinan (Beyers, 2014). Keupayaan keagamaan dalam mempengaruhi individu terhadap isu kemiskinan ini juga mempengaruhi implikasi keagamaan secara keseluruhan dengan menyediakan garis panduan normatif dan pada masa yang sama bertindak memberi daya motivasi.

Pengaruh positif keagamaan terhadap kemiskinan ini menunjukkan kepentingan keagamaan kepada individu. Pengaruh positif keagamaan inilah yang menjadi asas kepada usaha-usaha dakwah Makmal Sosio-Akademik Asnaf (fakir dan miskin) di Mukim 12 Daerah Barat Daya, Pulau Pinang, Sungai Nibong, Pulau Pinang (MASA@Sungai Nibong) ini diilhamkan. Projek MASA@Sungai Nibong ini merupakan satu projek rintis yang julung-julung kali dilaksanakan berdasarkan usahasama antara Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Zakat Pulau Pinang (ZPP) untuk membangunkan asnaf daripada kalangan fakir dan miskin yang terpilih menerusi modul pembangunan insaniah dan sosio-ekonomi yang telah dirangka khas oleh pihak ISDEV dan dipersetujui dan disokong oleh pihak ZPP.

Projek MASA@Sungai Nibong ini merupakan satu bentuk usaha dakwah untuk membawa atau mengubah masyarakat kepada keadaan yang sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan keimanan, berusaha berada sentiasa dalam keadaan cahaya dan berusaha untuk mengeluarkan diri daripada keadaan sempit kepada keadaan lapang, di dunia dan di akhirat (Mohd Zin, 1997). Terdapat sekurang-kurangnya tujuh asas usaha dakwah (Al-Qaradawi, 2010) menerusi inisiatif Projek MASA@Sungai Nibong ini iaitu:-

- I. Membawa manusia mengikut petunjuk agama Islam.
- II. Melaksanakan segala ketetapan agama di muka bumi.
- III. Mengkhususkan segala bentuk penghambaan diri, permohonan dan ketaatan kepada Allah SWT sahaja.
- IV. Melepaskan diri daripada segala kongkongan yang bukan daripada Allah SWT (*taghut*).
- V. Memberi hak kepada orang lain yang ditentukan hak oleh Allah.
- VI. Menyeru kepada kebaikan dan mencegah segala kemungkaran.
- VII. Berjihad pada jalan Allah SWT.

Memandangkan dakwah berupaya membawa pengaruh positif keagamaan dan mampu mentransformasikan manusia ke arah yang lebih baik, maka menerusi penyediaan Modul Pembangunan Insaniah untuk Projek MASA@Sungai Nibong dengan gandingan penajaan dan sumber dana daripada ZPP, ISDEV dapat melaksanakan modul tersebut. Projek MASA@Sungai Nibong ini dibahagikan kepada tiga fasa yang telah bermula pada September 2020 di tengah-tengah dunia, dan Malaysia tidak terkecuali, dilanda pandemik Covid-19. Projek MASA@Sungai Nibong ini menerusi usaha dakwahnya yang tersendiri telah menjalankan beberapa inisiatif untuk pembangunan Komuniti MASA@Sungai Nibong sepanjang tempoh era Covid-19 ini.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti usaha dakwah di era Covid-19 dan menganalisis ikhtiar Projek MASA@Sungai Nibong dalam pembangunan Komuniti MASA@Sungai Nibong berdasarkan usaha dakwah tersebut. Maka, timbul persoalan apakah usaha-usaha dakwah di era Covid-19 yang telah dan sedang dijalankan oleh Projek MASA tersebut? Bagaimana inisiatif Projek MASA@Sungai Nibong ini membangunkan komuniti MASA@Sungai Nibong dalam suasana era Covid-19? Bagaimana inisiatif tersebut dapat dimanfaatkan untuk usaha-usaha pembangunan komuniti pasca Covid-19 pula? Persoalan-persoalan ini diharapkan dapat membantu usaha-usaha dakwah dalam membangunkan komuniti Islam di bandar dalam mendepani cabaran masa depan yang kian tidak menentu.

Artikel ini mengandungi lima bahagian. Bahagian pertama merupakan pengenalan. Bahagian kedua pula membincangkan usaha-usaha dakwah yang dilaksanakan Projek MASA@Sungai Nibong di era Covid-19 dan inisiatif yang dijalankan menerusi beberapa bentuk program dan aktiviti Projek MASA@Sungai Nibong. Bahagian ketiga mengetengahkan metodologi kajian ini. Bahagian keempat pula mempersembahkan dapatan kajian manakala bahagian kelima merupakan bahagian terakhir sebagai kesimpulan kepada artikel ini.

INISIATIF PROJEK MASA MENERUSI USAHA-USAHA DAKWAH

Projek MASA@Sungai Nibong adalah usaha dalam memperkasakan komuniti miskin bandar (asnaf) untuk merubah dan mencapai taraf kehidupan yang lebih baik. Kos sara hidup begitu tinggi di bandar seperti kos sewa rumah apatah lagi kewujudan rumah mampu milik di bandar yang sangat terhad. Hal ini menyebabkan bercambahnya golongan miskin bandar. Sebidang tanah telah diwakafkan untuk tujuan pembinaan sebuah pangsapuri di tengah bandar di Pulau Pinang. Hasil kerjasama Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di peringkat Persekutuan dengan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di peringkat negeri Pulau Pinang sebagai pemegang amanah tunggal kepada sebidang tanah wakaf, maka wujudlah sebuah pangsapuri kos rendah dengan 77 unit 12 tingkat di atas tanah wakaf tersebut manakala penyelenggaraan pangsapuri tersebut dan kawasan wakaf di bawah tanggungjawab Wakaf Pulau Pinang (WPP).

Unit-unit berkenaan disewakan pada kadar di bawah nilai pasaran demi memberi alternatif dan meringankan beban untuk menyewa di bandar. Sebanyak 25 unit telah disewakan kepada ZPP yang kemudiannya menawarkan skim sewaan minima kepada asnaf terpilih dengan meletakkan syarat-syarat khusus yang terkait dengan Projek MASA@Sungai Nibong. Golongan asnaf yang terpilih inilah yang dikenali sebagai komuniti MASA@Sungai Nibong. Komuniti MASA@Sungai Nibong ini merupakan insan-insan dalam makmal sosio-akademik yang perlu disantuni dan dibangunkan oleh ISDEV yang turut disokong dan dibantu oleh ZPP, WPP dan MAINPP. Dalam usaha ke arah pembangunan komuniti berkenaan, era Covid-19

melanda negara lalu memberi impak dan cabaran tersendiri. Komuniti MASA@Sungai Nibong yang terdiri daripada asnaf tersebut yang baru sahaja bersiap untuk memulakan hidup di situ terpaksa mendepani bentuk baru cabaran hidup, sosial dan juga perekonomian mereka.

Projek MASA@Sungai Nibong menghasratkan supaya komuniti ini mempunyai azam dan tekad untuk berubah dan keluar dari ujian kemiskinan yang sedang mereka hadapi. Sebagai langkah efisien selain menerima dana zakat secara pasif, melalui usaha ini, Komuniti MASA@Sungai Nibong mendapat peluang dan sokongan padu untuk berubah. Namun begitu, virus Covid-19 melanda negara di mana komuniti ini turut terkesan dan menerima tekanan dari pelbagai aspek seperti sosial, ekonomi, kewangan dan pelbagai lagi aspek kehidupan. Rata-rata anak-anak Komuniti MASA menghadapi kekangan pendidikan ditambah dengan situasi belajar dari rumah, tidak semua mempunyai komputer dan akses Internet. Cabaran tinggal di tengah bandar dengan tidak bersekolah di kalangan anak-anak komuniti tersebut daripada yang berusia kecil sehingga lewat remaja menjadi cabaran dalam membangun Komuniti MASA@Sungai Nibong. Golongan awal dewasa turut terkesan dengan cabaran seperti melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi, dan cabaran mencari pekerjaan. Paling utama di kala era Covid-19 ini, golongan dewasa seperti ibubapa di komuniti tersebut mendepani cabaran dari pelbagai aspek seperti sosial, rumahtangga, keluarga, ekonomi, kewangan, kehilangan pekerjaan dan sebagainya.

Masalah yang dihadapi komuniti ini dari segenap usia terutama di era Covid-19 ini diambil cakna. Dasar hidup bertuhan yang didapati perlu dipertingkatkan di kalangan komuniti tersebut dijadikan asas bagi pihak Projek MASA@Sungai Nibong untuk membangun komuniti tersebut. Oleh demikian, Projek MASA@Sungai Nibong telah melakukan beberapa inisiatif daripada dana yang diterima daripada ZPP untuk menjalankan beberapa aktiviti untuk pembangunan Komuniti MASA@Sungai Nibong tersebut yang berdepan cabaran norma baharu. Masjid atau surau yang berperanan penting sebagai pusat dakwah dan tarbiah dalam membangun masyarakat tidak dapat dimanfaatkan semasa era Covid-19. Semasa zaman Rasulullah SAW, masjid selain menjadi pusat tarbiah dan dakwah juga berfungsi dalam pengukuhan sosial, politik, kebajikan, dan persaudaraan bagi melahirkan generasi sahabat dan muslimin yang hebat dan cemerlang dalam memperkukuhkan agama Islam pada masa itu. Pembangunan Komuniti MASA@Sungai Nibong yang cemerlang dan hebat sememangnya menjadi salah satu hasrat teras Projek MASA@Sungai Nibong. Menerusi Modul Pembangunan Insaniah yang telah dirangka khusus untuk Projek MASA@Sungai Nibong ini, surau yang terdapat di Pangsapuri tersebut, merupakan satu entiti yang sangat penting dalam merealisasikan usaha-usaha dakwah ini. Namun disebabkan Projek MASA@Sungai Nibong ini dihimpit oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa era Covid-19, didapati hubungan antara Komuniti MASA@Sungai Nibong dengan surau dilihat perlu dipergiatkan.

Salah satu cabaran yang dihadapi semasa era Covid-19 ini adalah keterhadan peluang menggunakan surau sebagai pusat menjalankan usaha-usaha dakwah. Program dan aktiviti yang telah dijayakan menerusi ruang surau tersebut adalah seperti kelas bulanan Khas untuk Wanita, Kelas Mengaji Al-Qur'an untuk Ahli Dewasa MASA@Sungai Nibong, program dwi bulanan ISDEV bersama Komuniti, program dwi bulanan Ketua Projek bersama Remaja (SMK) dan Anak-Anak (SK), Mesyuarat sesama ahli MASA@Sungai Nibong, perjumpaan bersama Ketua Isi Rumah (KIR) dan pasangan, perjumpaan dengan ibu-ibu tunggal dalam Komuniti tersebut, ditekankan solat fardhu Maghrib dan Isya' secara berjemaah, Qiamullail Perdana berjemaah

yang diadakan secara berkala termasuk pada bulan Ramadhan dan Ceramah Khas sempena peristiwa besar dalam sejarah/kalendar Islam.

Di Pulau Pinang, menerusi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (2020), semua aktiviti pengimarah masjid seperti ceramah, kelas pengajian, majlis akad nikah, bacaan Yassin dan tahlil ditangguhkan apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. Manakala, solat fardhu lima waktu secara berjemaah dihadkan kepada lima orang, dan solat Jumaat hanya untuk 15 orang. Pintu dan pagar utama masjid juga ditutup rapi dan dikunci sekiranya perlu bagi tujuan kawalan lebih ketat supaya jemaah tidak turut hadir solat berjemaah. Hal ini berdasarkan Pekeliling Aktiviti Keagamaan di Masjid dan Surau di Seluruh Negeri Pulau Pinang Di Bawah Perintah Kawalan Pergerakan. Umumnya pihak masjid dan surau mematuhi arahan yang ditetapkan pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan lain-lain yang berkenaan (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, 2020).

Maka usaha-usaha dakwah untuk mempertingkatkan pelbagai aspek Komuniti MASA@Sungai Nibong seperti mengasuh dan mendidik, membela, melatih, menyucikan, membaiki, mengawal hawa nafsu, membentuk ketaatan kepada Allah SWT, membentuk sikap sopan dan beradab atau mempunyai akhlak yang baik dan menghindarkan semua sifat tercela yang ada dalam diri manusia memaksa Projek MASA@Sungai Nibong untuk mencari ikhtiar dalam bentuk yang berbeza dengan keadaan yang biasa dilaksanakan secara fizikal dan bersemuka. Tambahan masalah sosial dan ekonomi masyarakat setempat juga menerima tekanan tersendiri. Era Covid-19 menyebabkan ramai yang tertekan kerana kemerosotan ekonomi sehingga kehilangan kerja dan pendapatan. Peningkatan masalah dan tekanan sosial-ekonomi dalam kalangan masyarakat, ditambah dengan penutupan masjid dan surau memperlihatkan kerapuhan hubungan antara masjid dan surau dengan masyarakat di era Covid-19 ini. Masjid dan surau tidak dapat memainkan peranan sebagai pusat dakwah dan tarbiah secara optimum ketika umat Islam hari ini menghadapi krisis akidah sosial, politik dan identiti yang tenat (Ab. Halim Tamuri, 2021).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menjurus kepada usaha dakwah dalam Projek MASA@Sungai Nibong dengan tujuan untuk pembangunan komuniti MASA@Sungai Nibong yang mana merupakan usaha sama MAIPP, ZPP, WPP dan ISDEV USM. Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu melalui pemerhatian di mana data diambil berdasarkan inisiatif Projek MASA@Sungai Nibong sepanjang tempoh era Covid-19 dalam memperkasa komuniti asnaf yang merupakan golongan miskin bandar yang sedang berdepan dengan cabaran sosial dan ekonomi dalam pelbagai bentuk. Data yang diperolehi untuk tujuan kajian ini adalah menerusi pengumpulan data primer dan juga data sekunder yang diperolehi dari 1 Januari 2021 sehingga 30 Jun 2022 meliputi tempoh PKP dikuatkuasakan sehingga selesai PKP tersebut.

Data primer dikumpul menerusi pemerhatian sebagai kaedah asas untuk pengumpulan data menerusi pemantauan program dan aktiviti yang dijalankan yang kemudian diperkuatkan pemerhatian tersebut menerusi temubual mendalam separa struktur secara bersemuka bersama Ketua Komuniti MASA@Sungai Nibong juga. Teknik pemerhatian dipilih sebagai teknik pengumpulan data yang utama kerana berperanan pada proses kajian yang mensyaratkan interaksi sosial antara penulis dan Ahli MASA@Sungai Nibong dalam lingkungan pengkajian yang dijalankan (Jasmi, 2012) iaitu menjurus tentang aspek inisiatif-inisiatif pembangunan

Komuniti MASA@Sungai Nibong sebagai usaha dakwah sepanjang era Covid-19.

Interaksi sebegini bertujuan untuk memastikan data yang diperolehi adalah melalui teknik yang sistematik. Untuk mengatasi masalah kebolehpercayaan dan kesahan data yang dikumpul ini, triangulasi data menerusi temu bual mendalam Ketua Komuniti MASA@Sungai Nibong telah dijalankan dan juga berdasarkan data sekunder yang diperolehi daripada kajian kepustakaan untuk mempelbagaikan sumber data yang dikumpul. Temu bual telah dilaksanakan di tapak projek MASA@Sungai Nibong yang mengambil masa kira-kira satu jam. Data yang telah dikumpul ini, kemudian telah dianalisis menggunakan analisis kandungan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Menerusi kajian yang dijalankan didapati Projek MASA@Sungai Nibong telah melakukan beberapa ikhtiar di era Covid-19 dan selepasnya. Anak-anak Komuniti MASA@Sungai Nibong didapati tidak ke sekolah dan ibubapa berdepan cabaran mereka yang tersendiri. Arahan daripada pihak berkuasa dan kerajaan seperti penutupan masjid dan surau tidak menjadi halangan untuk Projek MASA@Sungai Nibong terus menjalankan pelbagai aktiviti dari segenap bidang yang tidak terbatas kepada hanya hal ehwal agama malah yang berbentuk kemahiran yang berkisar kepada peningkatan ekonomi telah dapat dijalankan juga dengan rancaknya tertakluk dengan mematuhi SOP yang ditetapkan. Projek MASA@Sungai Nibong menerusi dana yang diperolehi daripada ZPP berusaha untuk memanfaatkan dana sebaiknya untuk aktiviti pembangunan Komuniti MASA@Sungai Nibong tersebut walaupun berhadapan dengan kekangan PKP tersebut. Projek MASA@Sungai Nibong juga telah menjemput pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk memberi latihan, makluman dan perkongsian ilmu untuk pembangunan komuniti MASA@Sungai Nibong. Kesemua aktiviti dijalankan secara di atas talian sepanjang PKP akibat Covid-19 manakala pasca Covid-19, aktiviti-aktiviti ini diteruskan secara bersemuka.

Dalam usaha dakwah menerusi program dan aktiviti yang terpaksa diubah suai supaya boleh dikendalikan sepenuhnya secara atas talian demi pembangunan Komuniti MASA@Sungai Nibong terbukti situasi Covid-19 tidak menjadi halangan. Menyedari keperluan pembangunan rohani terutamanya di kalangan Komuniti MASA@Sungai Nibong ini perlu dijalankan, maka beberapa skema telah dibangunkan sebagai insentif dan galakkan penyertaan dan penglibatan Komuniti MASA@Sungai Nibong yang telah disusun secara strategik. Bergantung kepada tahap penglibatan yang diperlukan dalam setiap program dan aktiviti yang dianjurkan, antara insentif yang diberikan adalah dengan menawarkan Ahli Komuniti MASA@Sungai Nibong yang aktif menghadiri dan menyertai program MASA@Sungai Nibong diberikan imbuhan top-up data Internet untuk meringankan beban dan melancarkan segala aktiviti atas talian di era Covid-19. Untuk memastikan KIR dan pasangan dapat memberi penumpuan sepenuhnya kepada program khas yang dibawakan oleh pihak ketiga, makanan untuk isi rumah setiap KIR dibekalkan juga supaya Ahli Komuniti MASA@Sungai Nibong yang terlibat dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada program tersebut tanpa gangguan. Insentif sebegini juga sebagai usaha menggalakkan penglibatan dan turut serta Komuniti MASA@Sungai Nibong agar tidak ketinggalan dan tidak menia-siakan peluang.

Dapatan berkenaan program dan aktiviti Projek MASA@Sungai Nibong yang dijalankan semasa era Covid-19 ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu ikhtiar projek

MASA@Sungai Nibong untuk anak-anak Komuniti MASA@Sungai Nibong seperti yang diringkaskan dalam Jadual 1 dan untuk golongan dewasa Komuniti MASA@Sungai Nibong seperti yang terdapat pada Jadual 2.

Jadual 1: Ikhtiar untuk Anak-anak dan Remaja Komuniti MASA@Sungai Nibong di Era Covid-19

Bil.	Program/Aktiviti	Frekuensi Kegiatan	Penglibatan Pihak Ketiga
1.	Kursus Kesihatan Reproduksi Remaja Bersama Pihak KafeTEEN	Khas	KafeTeen, LPPKN
2.	Kelas Pemantapan Agama Sekolah Rendah	Dua kali seminggu	Pembimbing MASA
3.	Kelas Pemantapan Agama Sekolah Menengah	Dua kali seminggu	Pembimbing MASA
4.	Kelas Pengukuhan Akademik Sekolah Rendah	Dua kali seminggu	Pembimbing MASA
5.	Kelas Pengukuhan Akademik Sekolah Menengah	Dua kali seminggu	Pembimbing MASA
6.	Kelas al-Quran	Sekali Seminggu	Pembimbing MASA
7.	Sesi ISDEV Bersama Komuniti untuk Anak-Anak MASA@Sungai Nibong	Dwi Bulanan	Ketua Projek MASA

Sepanjang tempoh PKP di era Covid-19 umumnya, anak-anak Komuniti MASA@Sungai Nibong tidak ke sekolah. Prestasi akademik anak-anak Komuniti MASA@Sungai Nibong ini perlu diberi perhatian serius. Berdasarkan pemerhatian awal juga didapati anak-anak tidak sempat menyertai kelas PdPr sekolah malah tidak mempunyai medium teknologi yang baik dan berhadapan juga dengan capaian internet yang lemah. Menurut Ab. Ghani (1996) untuk memastikan usaha-usaha dakwah benar-benar memberi faedah dan mempengaruhi sasaran dakwah (dalam hal ini Komuniti MASA@Sungai Nibong) daripada

setiap usaha dakwah yang dijalankan, tiga aspek utama telah dikenal pasti untuk menentukan pencapaian matlamat setiap usaha dakwah. Terdapat tiga aspek utama Komuniti MASA@Sungai Nibong ini dilihat sebagai golongan sasaran dakwah ini. Pertama mengenal pasti kehendak dan tabiat Komuniti MASA@Sungai Nibong. Kedua, mengenal pasti tahap umur dan pendidikan mereka. Ketiga, mengenal pasti tempat dan lokasi Komuniti MASA@Sungai Nibong. Setiap aspek ini merupakan faktor penting yang telah diteliti oleh Projek MASA@Sungai Nibong supaya usaha-usaha dakwah benar-benar dapat memberi faedah dan mempengaruhi, dengan penekanan kepada aspek pembangunan rohani (jiwa) Komuniti MASA@Sungai Nibong daripada setiap usaha dakwah yang dijalankan.

Oleh itu, cakna dengan keadaan semasa, Projek MASA@Sungai Nibong telah menyediakan, antara lain, kelas akademik, kelas agama dan kelas al-Quran secara percuma kepada anak-anak di Komuniti MASA@Sungai Nibong dengan insentif top-up data internet kepada mereka yang komited untuk hadir dan melibatkan diri sepenuhnya. Dari segi Kelas Pengukuhan Akademik ini merupakan satu perancangan tersusun untuk membantu anak-anak Komuniti MASA@Sungai Nibong supaya tidak ketinggalan dalam pembelajaran subjek-subjek akademik yang diajarkan di sekolah dan membimbing mereka menyiapkan kerja rumah dan aktiviti pembelajaran persekolahan yang dilakukan dalam suasana santai. Usaha-usaha ini telah diteruskan pasca Covid-19 dengan penyesuaian waktu (ke petang dan malam) dan kaedah (secara bersemuka/fizikal) berikutan anak-anak sudah kembali ke sekolah dan rata-rata bersekolah pada sesi waktu pagi.

Kelas-kelas berkenaan diadakan secara maya (sepanjang era Covid-19) dan santai sesuai dengan peringkat umur mereka. Untuk tujuan ini, Projek MASA@Sungai Nibong telah melantik pembimbing yang berkeelayakan untuk membantu membangunkan anak-anak Komuniti MASA@Sungai Nibong berkenaan supaya kelas-kelas ini dapat dijalankan secara berterusan. Seiring dengan pendapat Abdullah, Md Sham dan Ismail (2017) dilihat ikhtiar Projek MASA@Sungai Nibong anak-anak Komuniti MASA@Sungai Nibong, sebagai sasaran dakwah, menepati keperluan kepada sokongan dan dorongan yang berterusan daripada Projek MASA@Sungai Nibong itu sendiri. Hal ini bagi menggalakkan anak-anak supaya sentiasa dapat mengikuti pembelajaran yang dijalankan di sekolah dan tidak tercicir dan hilang minat untuk belajar. Kelas-kelas anjuran projek MASA@Sungai Nibong bertujuan untuk memantapkan lagi pendidikan di sekolah seperti menyiapkan kerja rumah, mengulang kaji pelajaran, memberi motivasi dan memantapkan pemikiran anak-anak supaya sentiasa patuh dengan suruhan agama dan meninggalkan kegiatan salah laku (Abdullah, Md Sham & Ismail, 2017). Kelas pemantapan akademik dan kelas agama ini dijalankan dua kali seminggu manakala kelas al-Quran diadakan sekali seminggu. Kekerapan kelas ini dapat diteruskan pasca Covid-19 pada waktu petang walaupun anak-anak kembali ke sekolah kerana sesi persekolahan mereka hanya melibatkan waktu pagi.

Dapatan juga menunjukkan sepanjang era Covid-19 ini penglibatan dan komitmen anak-anak Komuniti MASA@Sungai Nibong amat memberangsangkan. Projek MASA@Sungai Nibong juga menganjurkan Ceramah Khas untuk remaja dengan kerjasama pihak KafeTEEN, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam menyampaikan maklumat dan didikan berkenaan perilaku remaja terutama dalam aspek sosial. Oleh yang demikian, sekurang-kurangnya Projek MASA@Sungai Nibong telah berjaya mengisi masa dan membantu anak-anak Komuniti MASA@Sungai Nibong dengan aktiviti

berfaedah di samping menangani isu-isu sosial di kalangan Komuniti MASA@Sungai Nibong ini.

Jadual 2: Ikhtiar untuk Golongan Dewasa Komuniti MASA@Sungai Nibong Era Covid-19

Bil	Program/Aktiviti	Frekuensi Kegiatan	Penglibatan Pihak Ketiga
1.	Keibubapaan Kreatif Mendepani Cabaran Norma Baharu	Khas	LPPKN
2.	Kelas Mengaji Online Al-Quran & Iqra Lelaki Dewasa	Mingguan	Guru al-Qur'an
3.	Kelas Mengaji Online Al-Quran & Iqra Wanita Dewasa	Mingguan	Guru al-Qur'an
4.	Fiqh Wanita	Bulanan	Guru Agama
5.	Program Celik Perniagaan (3 siri)	Khas	MARA
6.	Ceramah Khas Bersempena Peristiwa/Kalendar Islam ISDEV USM Bersama Komuniti MASA@Sungai Nibong	Khas	Pensyarah ISDEV
7.	- Perkahwinan Impian: Sakinah Mawaddah Warahmah - Slot Bersama Pengarah ISDEV@Sungai Nibong	Setiap Dua Minggu	Pengarah ISDEV dan Pensyarah ISDEV
8.	15 Minit Santai Bersama ISDEV USM	Dua bulan sekali	Ketua Projek MASA
9.	Pertanian Bandar MASA@Sungai Nibong "Berbudi pada Tanah" (diluluskan dan sedang giat disiapkan tapa pertanian)	Harian	Pejabat Pertanian Daerah Barat Daya
10.	Memperkasa Asnaf Cemerlang Menerusi Neuro Linguistik Programming (NLP)	3 sesi	Anjuran bersama Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) USM dan Pengamal (Coach) NLP
11.	Memupuk Minda Usahawan	Khas	Syarikat Swasta

Jadual 2 menunjukkan kepelbagaian usaha dakwah dalam program dan aktiviti yang dijalankan sebagai ikhtiar Projek MASA@Sungai Nibong untuk membangun Komuniti MASA@Sungai Nibong. Golongan dewasa Komuniti MASA@Sungai Nibong berdepan cabaran lebih besar. Cabaran di era Covid-19 khususnya kepada golongan dewasa Komuniti MASA@Sungai Nibong ini bukan sahaja dari sudut ekonomi seperti kehilangan pekerjaan malah cabaran sosial seperti isu rumahtangga dan jati diri juga dihadapi. Memandang serius situasi berkenaan, Projek MASA@Sungai Nibong yang sebelumnya aktif menjalankan aktiviti jemaah seperti solat berjemaah, riadah petang bersama anak-anak, mesyuarat, program mingguan ISDEV bersama komuniti, Ceramah Khas sempena peristiwa Agung dalam kalendar Islam seperti sempena Isra'

Mikraj, menyambut kedatangan bulan Ramadhan, masuknya tahun baharu hijrah dan sambutan Maulid Rasul sebagai satu inisiatif untuk menarik dan menjemput Komuniti MASA@Sungai Nibong untuk menerima dan mengukuhkan ajaran agama Islam yang terdapat dalam diri mereka yang disampaikan menerusi pelbagai program dan aktiviti dengan harapan mereka mempraktikkannya dalam kehidupan sesuai dengan saranan (Sidi, 2010).

Selain daripada aspek pembangunan rohani, dalam usaha dakwah ini Projek MASA@Sungai Nibong juga mengambil kira keperluan Komuniti MASA@Sungai Nibong untuk mempertingkatkan bakat dan kemahiran yang ada yang telah Allah SWT anugerahkan kepada setiap orang daripada mereka. Projek MASA@Sungai Nibong berusaha menganjurkan kelas pendedahan dan pendidikan untuk berniaga dengan kerjasama MASA@Sungai Nibong dan pihak swasta. Hal ini bagi menggalakkan Komuniti MASA@Sungai Nibong untuk berkecimpung di dalam dunia perniagaan sebagai alternatif atau sebagai pendapatan tambahan terutama kepada pasangan Ketua Isi Rumah yang berstatus suri rumah sepenuh masa. Projek MASA@Sungai Nibong juga menggalakkan komuniti berkenaan untuk terlibat dengan aktiviti bercucuk tanam dengan memanfaatkan tanah kosong terbiar di kawasan perumahan tersebut di bawah projek Pertanian Bandar MASA@Sungai Nibong dengan slogan “Berbudi Pada Tanah”. Melihat aktiviti bercucuk tanam ini sebagai salah satu usaha mendekati alam yang telah Allah SWT ciptakan untuk manusia, maka menjadi salah satu objektif teras projek Pertanian Bandar MASA@Sungai Nibong ini untuk memupuk rasa bertuhan (habluminallah) menerusi alam sebagai salah satu alat asas dalam pembangunan insaniah. Matlamat ini dijangka dapat dicapai dengan mengaitkan usaha-usaha tanaman dan hasil tanaman ini dengan konsep rezeki dan barakah yang terdapat dalam ajaran Islam. Seterusnya melalui Pertanian Bandar MASA@Sungai Nibong ini dijadikan inisiatif komuniti MASA@Sungai Nibong memperoleh ilmu dan menikmati hasil daripada aktiviti tersebut.

Dapatan sepanjang era Covid-19 juga menunjukkan golongan dewasa di komuniti MASA@Sungai Nibong tersebut dahagakan ilmu agama dan kelas al-Quran. Sebelumnya Projek MASA@Sungai Nibong dengan kerjasama ahli jawatankuasa surau yang terdapat di pangsapuri tersebut menyediakan aktiviti secara fizikal, namun di era Covid-19, Projek MASA@Sungai Nibong terus istiqamah menjalankan aktiviti kelas pengajian secara maya pula yang diadakan pada setiap hari Jumaat selepas solat fardhu ‘Asr. Pasca Covid-19, kelas tersebut dapat diteruskan secara bersemuka namun ditukar waktu daripada hari Jumaat kepada Isnin petang. Dalam meneguhkan jati diri dan membina keluarga bahagia seterusnya menjadi komuniti yang berwawasan walaupun dikelilingi cabaran era Covid-19, projek MASA@Sungai Nibong tidak memandang ringan dan terus menerusi giat mencari kerjasama dengan pihak ketiga seperti dengan agensi kerajaan seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan mengadakan slot ceramah dengan fokus khusus kepada aspek kekeluargaan. Oleh demikian, projek MASA@Sungai Nibong tidak membiarkan SOP baharu semasa PKP di era Covid-19 dengan keadaan semasa yang merisaukan sehingga dapat memberikan kesan negatif kepada komuniti MASA@Sungai Nibong namun terus giat berusaha mencari cara dan peluang untuk menyediakan persekitaran yang boleh memberi kesan kepada peningkatan prestasi (Ab. Ghani, 1996). Usaha ini diteruskan malah dipergiatkan pasca Covid-19 kerana dapat dijalankan secara bersemuka.

KESIMPULAN

PKP semasa era Covid-19 dikuatkuasa telah mengganggu segala usaha dakwah Projek MASA@Sungai Nibong untuk dilaksanakan menerusi aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Namun tanggungjawab untuk terus menerus bantu komuniti miskin bandar sebenarnya masih boleh dipergiatkan sebagaimana Komuniti MASA@Sungai Nibong yang terkesan dek wabak tersebut tidak terhenti daripada segenap aspek baik ukhrawi mahupun duniawi seperti ekonomi, sosial, kewangan, rumahtangga, dan pendidikan seperti yang telah dibincangkan menerusi data yang telah dikumpul. Menerusi penganalisan ikhtiar Projek MASA@Sungai Nibong dalam pembangunan Komuniti MASA@Sungai Nibong berdasarkan usaha dakwah tersebut seperti yang dibincangkan di atas, menunjukkan kesinambungan program dan aktiviti untuk golongan rentan seperti asnaf (fakir dan miskin) di bandar sepanjang era Covid-19 telah membantu melicinkan transisi aktiviti dijalankan daripada secara atas talian kepada secara fizikal pasca Covid-19. Kajian ini juga telah menunjukkan walaupun berhadapan dengan situasi semakin mencabar, pembangunan komuniti rentan terutama di bandar tidak boleh diberhentikan malah perlu pendekatan yang anjal yang disesuaikan dengan keadaan pada waktu tersebut supaya usaha-usaha dakwah masih boleh dijalankan malah dipergiatkan lagi. Peluang pembelajaran sepanjang hayat tidak boleh dihentikan malah peluang mempelajari dan memulakan selok-belok perniagaan, tingkatkan keyakinan dan motivasi untuk meneruskan hidup, dalam bentuk sokongan dan pendidikan serta tarbiah menerusi usaha-usaha dakwah yang terus menerus dijalankan sama sekali tidak dipinggirkan. Penemuan daripada kajian yang dijalankan ini boleh dijadikan sebagai kerangka asas dalam pembinaan modul yang sesuai oleh mana-mana institusi mahupun agensi yang berminat untuk membangunkan komuniti rentan yang lain demi untuk mencapai pembangunan komuniti Islam terutama yang berada di bandar dengan lebih baik.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia atas sokongan kepada Makmal Sosio-Akademik di Mukim 12 Daerah Barat Daya, Pulau Pinang (MASA@Sungai Nibong) yang membolehkan, antara lain, penulis membuat kajian dan menulis makalah ini.

RUJUKAN

- Ab. Ghani, A. M. (1996). Institusi Dakwah dan Persekitarannya dalam Membentuk Strategi Dakwah yang Berkesan. *Jurnal Usuluddin*, 4, 71–78. Retrieved from <https://adum.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3038>
- Abdul Aziz, A. R., Mohd Sukor, N., & Ab Razak, N. H. (2020). Wabak COVID-19 : pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 156–174.
- Abdullah, M.H., Md Sham, F. & Ismail, A. (2017). Ibadah dan Tahap Pengamalannya Terhadap Pelajar Politikenik Zon Tengah dlm. Seminar Kebangsaan Tamadun dan Warisan Islam 2017 (TAWIS 2017): “Tamadun dan Peradaban Islam: Merekayasa Kreativiti dan Inovasi”, Selangor: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);

- Institut Islam Hadhari (HADHARI), Universiti Kebangsaan Malaysia; Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia; Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM); Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan.
- Aris, H. R. B., & Musa, N. S. B. (2014). Pengurusan Tabung Masjid Ke Arah Pembangunan Ekonomi Masyarakat Setempat. *International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014), December*, 180–188.
- Baldwin, D. L. & Crane, E. S. (2020). Cities, Racialized Poverty, and Infrastructures of Possibility. *Antipode*, 52(2), March, 365-379.
- Beyers, J. (2014). The effect of religion on poverty, *HTS Teologiese Studies/Theological Studies* 70(1), Art. #2614, 8.
- Chapra, M. U. (2008). The Islamic vision of development in the light of the Maqasid al-Shari`ah. Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Ezad Azraai Jamsari, Siti Noorasikin Tumiran, Kaseh Abu Bakar, & Zamri Arifin. (2010). Peranan dan Sumbangan Institusi Masjid dalam Pembangunan Masyarakat Melayu-Islam di Singapura: Satu Kajian di Masjid Assyafaah, Sembawang. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 31–44.
- Hashim, H., Isa, M., & Yusuff, N. (2015). Pengurusan kewangan dana masjid: satu kajian di Daerah Kubang Pasu, Kedah. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 22(2), 115–134.
- Idris, M., Mohd, B., Azman, S., & Shahrudin, B. (2020). Kajian Terhadap Aktiviti-Aktiviti Di Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi Ke Arah " Masjid Mesra Remaja ". 7, 161–175.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. (2021). Pekeliling aktiviti Keagamaan di seluruh Masjid dan Surau di Pulau Pinang dibawah Perintah Kawalan Pergerakan.
- Jasmi, K.A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Conference: Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*. Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2019). *Penyakit Coronavirus (Covid-19)*. 2019, 1–5.
- Machendrawaty, N., Yuliani, Y., Setiawan, A. I., & Yuningsih, Y. (2020). Optimalisasi fungsi mesjid di tengah pandemic Covid 19: Telaah syar'i, regulasi dan aplikasi. *UIN Sunan Gunung*, 19, 1–11.
- Mafruhat, A. Y., Riani, W., & Haviz, M. (2019). The Determinants of Spiritual Poverty in Bandung. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 409, 53-56.
- Mathur, O. P. (2013). *Urban Poverty in Asia*. Metro Manila, Philippines: Asian Development Bank.
- Mohd Azmi Bin Mat Sah. (2009). Inovasi Pendakwaan Dalam Memantapkan Pendidikan Dewasa Di Malaysia. *Universiti Putra Malaysia Institutional Repository (UPMIR)*, 1-8.
- Mohd Zin, A.A. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nasution, N. H. . W. (2020). Manajemen Masjid Pada Masa Pandemi Covid 19. *Manajemen*

- Masjid Pada Masa Pandemi Covid 19*, 2(1), 1.
- al-Qardhawi, S. Y. (1980). *Problema kemiskinan: Apa konsep Islam* (U. Fanany, Terj.). Johor Bahru, Johor, Malaysia: Penerbitan Pena Mas.
- al-Qaradawi, S.Y. (2010). *Islam: An Introduction*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Ridhuwan, M., Remly, B. I. N., & Othman, F. B. I. N. (2019). Cabaran Pengurusan Aktiviti Pengimarahen Institusi Masjid : Kajian Kes Di Masjid Cemerlang Di Malaysia. 9(1), 39–51.
- Rifa'i, A. (2016). Revitalisasi Fungsi Masjid Dalam Kehidupan Masyarakat Modern. *Universum*, 10(2), 155–163.
- Sabri, M. F. M., & Tonot, H. (2017). Perbandingan Pengurusan Kualiti Masjid Terhadap Masjid Yang Diberi Pengiktirafan Bintang. *Journal of Business Innovation*, 2(1), 25–41.
- Salih, S. A. (1999). *The Challenges of Poverty Alleviation in IDB Member Countries*. Jeddah, Saudi Arabia: Economic Policy and Strategic Planning Department, Islamic Development Bank.
- Sedmak, C. (2019). Evidence-based dialogue: the relationship between religion and poverty through the lens of randomized controlled trials. *Palgrave Commun* 5(8). <https://doi.org/10.1057/s41599-019-0215-z>
- Sidi, N. (2010). *Pendekatan Dakwah Ismail Lutfi Japakiya: Kajian Tentang Tarikan Dakwahnya Di Selatan Thailand*. Tesis Sarjana yang diserahkan di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Tamuri, A. H. (2021). Konsep Dan Pelaksanaan Fungsi Masjid Dalam Memartabatkan Masyarakat. *Al-Mimbar Journal*, 1(1), 1–12.
- Zakaria Stapa, N.Y. (2012). Pendidikan Menurut Al-Qur'an dan Sunnah serta Perannanya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 7 – 22.

Sumber media

- Kesihatan Mental Dan Sokongan Psikososial Ketika Pandemik Covid-19. (2021, June). <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/06/mhpss-kesihatan-mental-dan-sokongan-psikososial-ketika-pandemik-covid-19>
- Isu sosial, mental meningkat akibat pandemik: MAIS. (2021, August). <https://www.sinarharian.com.my/article/158743/EDISI/Isu-sosial-mental-meningkat-akibat-pandemik-MAIS>